

Lelaki miliki, salah guna dadah didenda RM6,100

MIRI: Seorang lelaki didenda RM6,100 atau enam bulan penjara oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam selepas disabitkan bersalah atas pertuduhan memiliki dan menggunakan dadah berbahaya jenis syabu.

Mahkamah turut memerintahkan tertuduh menjalani pengawasan pihak polis dua tahun mengikut Seksyen 38B Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952.

Tertuduh, Dominic Cyprian Mani, 25, dari Tudan Fasa 1 di sini, mengaku bersalah atas pertuduhan yang dibacakan mengikut Seksyen 12 (2) ADB 1952 dan dihukum di bawah Seksyen 12 (3) akta yang sama.

Jika sabit kesalahan, tertuduh boleh dikenakan denda tidak melebihi RM100,000 atau penjara hingga lima tahun atau kedua-duanya sekali.

Mengikut fakta kes, pada jam 12.55 tengah hari, 20 Februari lalu, sepasukan anggota dan pegawai dari Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Miri menahan tertuduh di tepi Jalan Kiambang 1C,

Tudan di sini untuk tujuan pemeriksaan kerana disyaki terlibat kegiatan penyalahgunaan dadah.

Semasa pemeriksaan badan dilakukan, tertuduh dilihat mencampakkan satu peket plastik kecil lutsinar ke atas permukaan jalan dan apabila diperiksa, plastik itu didapati berisi ketulan-ketulan kristal disyaki dadah jenis syabu.

Berikutan itu, tertuduh ditangkap dan barang disyaki dadah dirampas untuk dijadikan barang kes.

Barang kes kemudian dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia Cawangan Bintulu dan hasil analisis mengesahkan ia adalah dadah jenis Methamphetamine (syabu) seberat 0.32 gram.

Bagi kesalahan kedua, Dominic didakwa mengikut Seksyen 15 (1) (a) ADB 1952 dan dihukum di bawah Seksyen 15 (1) akta yang sama.

Jika sabit kesalahan, tertuduh boleh didenda sehingga RM5,000 atau penjara hingga dua tahun dan sertamerta dikehendaki menjalani pengawasan oleh pegawai sebagaimana ditakrifkan di bawah Seksyen 2 Akta

Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 selama tempoh tidak kurang dari dua tahun dan tidak melebihi tiga tahun mengikut Seksyen 38B ADB 1952.

Menurut keterangan kes, tertuduh didapati menggunakan dadah berbahaya jenis Amphetamine dan Methamphetamine yang tersenarai di dalam Jadual Pertama ADB 1952 (Akta 234), dengan cara memasukkan dadah tersebut ke tubuh badan sendiri tanpa kebenaran pihak berkuasa.

Kesalahan itu dilakukan tertuduh pada jam 1.15 petang, 20 Februari 2026 di pejabat Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik, IPD Miri.

Bagi kesalahan pertama, tertuduh didenda RM3,600 atau tiga bulan penjara, manakala bagi kesalahan kedua, tertuduh didenda RM2,500 atau tiga bulan penjara dan diperintah menjalani pengawasan polis selama dua tahun.

Pendakwaan dikendalikan pegawai pendakwa ASP Mary Ong di hadapan Majistret Ashok Linggam, manakala tertuduh tidak diwakili peguam bela.